

Pelihar perpaduan kaum

UM 19 NOV 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semangat perpaduan antara kaum terus dipelihara semasa bulan Ramadan ini bagi memastikan keamanan negara terus dipertahankan.

Timbalan Perdana Menteri yang bagaimanapun tidak gusar dengan perkara itu berkata, realitinya semangat itu telah diperlihatkan menerusi sikap saling hormat-menghormati orang bukan Islam terhadap rakan seislam mereka.

Beliau menarik perhatian bagaimana sikap itu dipamerkan semasa bulan Ramadan ini terutama menjelang waktu berbuka puasa di restoran negara ini.

"Orang bukan Islam bukan sahaja bersama-sama menikmati juadah berbuka puasa tetapi yang menyeronokkan lagi, mereka sanggup menunggu rakan seislam mereka makan ketika waktu berbuka meskipun tiba lebih awal di restoran.

"Jika dulu, ada rasa tidak senang tetapi sekarang ia telah menjadi keadaan yang tidak merunsingkan. Kita (orang Islam) jadi selesa dengan sikap hormat yang ditunjukkan oleh mereka," katanya ketika merasmikan Bazar Ramadan 2001 di Jalan Masjid India, di sini hari ini.

Menurut Abdullah, perpaduan kaum di negara ini sebenarnya telah wujud sejak sekian lama

terutama di kalangan masyarakat kampung.

Katanya, ia diperlihatkan bukan sahaja semasa bulan Ramadan malah ketika menyambut perayaan agama masing-masing.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan semua kaum supaya tidak kkuatir dengan perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"Kita tahu yang bukan Melayu pun ada peranan dalam negara ini. Kedudukan dan hak mereka tetap terbela dari segi undang-undang dan perlembagaan negara.

"Malaysia sebenarnya satu contoh negara Islam yang selamat diduduki orang bukan Islam sama ada dari segi kehidupan mahupun pergaulan," katanya.

Program Bazar Ramadan anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bertujuan meningkatkan kefahaman orang Islam terhadap kemuliaan bulan Ramadan selain memperlihatkan persefahaman budaya masyarakat Malaysia kepada pelancong asing.

Lebih 450 gerai menvertai bazar selama sebulan ini yang antara gimik program itu hari ini ialah "Acara Memasak Sambil Beramall.422 Aneka Bubur" anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kumpulan Utusan, Nestle-MAGGI, Khind dan Beras Jati serta Carotino.